

13/08/1997

Kampung Tok Senik

Khaidir Majid; Halim Yusoff; Ghazali Musa; Ahmad Zaini Kamaruzzaman PUSAT peranginan yang sangat unik di anjung utara tanahair, di Pulau Langkawi itu mendapat namanya daripada seorang penghijrah Melayu yang sangat kaya pada zamannya, Tok Senik.

Tok Senik mementingkan mutu yang terbaik kepada setiap hartanya, dengan memilih untuk memiliki seni bina Melayu asli kepada rumahnya. Beliau orang Langkawi pertama memiliki kereta ketika itu, Austin.

Kini 80 tahun berlalu dan zaman terus berubah. Langkawi kini muncul menjadi pulau peranginan terkemuka dan Tok Senik memberi ilham kepada Pengerusi Eksekutif Maju Holdings Sdn Bhd, Datuk Abu Shahid Mohamed, untuk membuka pusat peranginan dalam kelasnya tersendiri, Kampung Tok Senik.

Kampung Tok Senik di atas kawasan 46 ekar berada di tengah keindahan flora dan fauna Pulau Langkawi menampilkan tempat percutian alternatif kepada mereka yang ingin menikmati kehidupan sebenar di sebuah kampung Melayu tradisional.

Pusat peranginan yang begitu nyaman dan tenang itu mencipta sejarah, disiapkan dalam tempoh 90 hari sahaja, dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Ogos 1996.

Di Kampung Tok Senik apabila fajar menyinsing dan beburung serta unggas berkicauan bebas, maka kehidupan penduduk kampung bermula. Petani akan turun ke sawah manakala penoreh getah dengan ditemani lampu kecil akan ke ladang menoreh getah.

Bila malam menjelma, penduduk lelaki akan berkumpul di warung berbincang mengenai pelbagai topik, kemudian apabila azan bergema mereka bergegas ke surau untuk sembahyang Isyak. Perbincangan mereka kemudian diteruskan di rumah Tok Penghulu bagi mendengar amanat ketua kampung mereka.

Itulah kehidupan di kampung tradisional Melayu. Begitulah juga yang dapat dirasai di pusat peranginan Kampung Tok Senik, Langkawi.

Abu Shahid yang ditemui di Kampung Tok Senik sempena Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 97) baru-baru ini berkata, pusat peranginan itu kini mempunyai 13 rumah Melayu menampilkan pelbagai senibina asli mengikut status sosial dan pekerjaan pemilik asal rumah berkenaan.

Selain 13 rumah "suite" itu, Kampung Tok Senik juga mempunyai tiga restoran yang dibina mengikut konsep warung di kampung Melayu serta satu spa yang eksklusif juga dalam bangunan kayu dibina berasingan untuk lelaki dan perempuan.

Abu Shahid berkata, 13 suite berkenaan dibina dengan kos lebih RM10 juta kerana menggunakan ukiran dan senibina Melayu asli yang jarang kedapatan lagi sekarang selain kos kayu yang semakin meningkat.

"Sebenarnya, projek Kampung Tok Senik yang menampilkan ciri kampung Melayu sebenar ini diketengahkan oleh Perdana Menteri sendiri yang mahukan sebuah pusat peranginan yang menampilkan seni bina Melayu tulen bagi mengimbangi kerancangan pembangunan hutan batu di Pulau Langkawi," kata Abu Shahid.

Kampung Tok Senik kini mempunyai 13 nama rumah Melayu mengikut status sosial dan pekerjaan pemiliknya seperti, Rumah Pak Uda (petani), Rumah Tok Din (tukang kayu), Rumah Mak Njang (tukar jahit), Rumah Tok Chik (Pak Imam), Rumah Pak Wan (penoreh getah), Rumah Pak Andak (guru silat), Rumah Mak Abang (penganyam tikar), Rumah Pak Abu (tok dukun), Rumah Pak Teh (pemikat burung) dan Rumah Tok Penghulu (ketua kampung).

Setiap 40 hari, Kampung Tok Senik mengadakan pesta keramaian yang menampilkan tarian tradisional, nyanyian dan wayang terbuka seperti yang

biasa dilihat di kampung 20 tahun lalu sebelum televisyen menjadi alat hiburan biasa dan mampu dimiliki hampir setiap orang.

Setiap hari Rabu pula ada Pekan Rabu. Pesta kerai-an dan Pekan Rabu menyebabkan Kampung Tok Senik begitu meriah bukan sahaja dipenuhi penghuninya tetapi juga ia turut dikunjungi penduduk sekitar dan ada yang datang dari pekan Kuah.

Pesta keramaian yang paling hampir di Kampung Tok Senik adalah 31 Ogos ini.

Akan tetapi, 13 suite yang setiap satunya dilengkapi dua bilik tidur, satu ruang tamu, dapur, televisyen, alat perakam video, komponen mini CD dan pelbagai perabot unik mengikut pekerjaan setiap banglo itu mungkin hanya mampu dinikmati mereka yang berpendapatan tinggi, sewanya RM1,500 semalam termasuk sarapan.

"Tiga bulan lagi, hampir setiap orang akan mampu menikmati kedamaian kehidupan kampung di sini apabila 60 lagi chalet disiapkan membabitkan pelaburan RM30 juta lagi daripada Maju Holdings.

"Selain 60 chalet, sebuah rumah induk Melayu dengan 12 bilik menampilkan katil bertingkat mengikut konsep asrama boleh memuatkan 40 orang menanti anak muda dan pelancong berkumpul dengan bayaran hanya RM80 setiap orang termasuk makan minum," katanya.

Abu Shahid berkata, semuanya dijangka dapat disiapkan sebelum Pameran Penerbangan dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 97) penghujung tahun ini dan kerja prasarana asas pembinaan asas 60 chalet tambahan, rumah anjung dan aked membeli belah sudah dimulakan.

Bagi mereka yang berasal dari kampung, melawat Kampung Tok Senik membuatkan anda sayu kerana terkenangkan kehidupan di kampung kira-kira 20 tahun lalu yang tidak mungkin dirasai lagi di kampung asal manakala mereka dari bandar, keinginan merasai kehidupan kampung terjawab bila tinggal di situ.

(END)